



MOT BULETIN

Edisi 5



YB Loke Siew Fook Dilantik Menteri Pengangkutan Warga MOT teruja!

Malaysia yang termuda dalam sejarah, berusia 41 tahun. Beliau dilahirkan pada 28 April 1977 dan mula berkecimpung dalam arena politik seawal usia 26 tahun apabila pertama kali dipilih sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri bagi DUN Lobak, Negeri Sembilan. YB Loke yang kini merupakan Ahli Parlimen bagi kawasan Seremban ini berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam daripada Universiti Malaya.

ANTHONY LOKE SIEW FOOK
MENTERI PENGANGKUTAN

- Tarikh lahir : 28 April 1977

PENDIDIKAN

- Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan, UKM
- Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam, UM

POLITIK

- 2004 : Pengerusi DAP, Negeri Sembilan
- 2004 - 2007 : Pengarah Pendidikan Politik DAP
- 2008 - 2011 : Setiausaha Biro Pendidikan Politik DAP
- 2008 - kini : Anggota Pusat Jawatankuasa Eksekutif (CEC) DAP
- 2012 - kini : Setiausaha Organisasi Kebangsaan DAP
- 2013 - kini : Anggota Biro Pilihanraya DAP

LAIN-LAIN

- 2011 : Dilantik menganggotai Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya mewakili DAP

WAKIL RAKYAT

- 2004 - 2013 : Anggota Dewan Undangan Negeri Lobak
- 2008 - 2013 : Anggota Parlimen Rasah
- 2013 - 2017 : Anggota Dewan Undangan Negeri Chennah
- 2013 - kini : Anggota Parlimen Seremban

Infografik Bernama

Warga MOT begitu teruja dan mengalu-alukan pengumuman pelantikan YB Loke Siew Fook sebagai Menteri Pengangkutan yang baru oleh YAB Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad selepas berakhirnya pilihanraya umum ke-14 yang lalu. Setelah mengangkat sumpah jawatan di hadapan Ke-bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong, Sultan Muhammad V pada 14 Mei yang lalu, YB Loke tidak berlelah untuk memulakan tugas beliau di Kementerian Pengangkutan (MOT) pada esok harinya.

Tarikh 15 Mei 2018 merupakan satu tarikh istimewa buat semua warga MOT, Jabatan dan Agensi di bawah seliannya apabila seawal jam 7.30 pagi mereka sudah berpusus-pusu berkumpul di perka-

rangan lobi MOT untuk mendapatkan peluang melihat dengan lebih dekat dan bersalaman dengan sosok Menteri Pengangkutan yang baru itu. Malah, turut kelihatan ramai kalangan petugas media yang turut membanjiri kementerian bagi membuat liputan hari pertama YB Loke. Beliau yang tiba pada jam 8.30 pagi diiringi oleh Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Datuk Seri Saripuddin bin Hj Kasim dan diperkenalkan dengan barisan kepimpinan MOT dan kakitangan. Seterusnya beliau telah diberikan taklimat berhubung MOT dan setelah itu menyampaikan amanat pertama beliau sebagai Menteri Pengangkutan yang baru dihadapan lebih daripada 500 orang kakitangan MOT, Jabatan dan Agensi di Dewan Serbaguna MOT.

YB Loke merupakan Menteri Pengangkutan

Seluruh warga MOT, Jabatan dan Agensi mengucapkan Selamat Maju Jaya kepada YB Loke Siew Fook, Menteri Pengangkutan yang baru!

Selamat Menyambut
RAMADHAN
1439H/2018
Ikhlas Daripada
MOT

#Info Psikologi

“Jangan sekali-kali kita meremehkan sesuatu perbuatan baik walaupun hanya sekadar senyuman.”

Perkhidmatan Tren KL Sentral – Skypark bermula 1 Mei

dari Terminal Skypark pula bertolak pada jam 11.20 malam.

Jarak perjalanan dari Stesen KL Sentral ke Terminal Skypark sejauh 26 kilometer yang hanya mengambil masa 30 minit ini dapat menghubungkan orang ramai dengan integrasi Rapid KL laluan Kelana Jaya, Transit Aliran Massa (MRT), Monorel dan Express Rail Link (ERL) di Stesen KL Sentral.

Lebih mengujakan apabila pihak KTMB telah mengumumkan tambang naik secara percuma untuk tempoh satu bulan dari 1 – 31 Mei 2018 sebagai promosi kepada perkhidmatan ini dikalangan orang awam dan pengguna pengangkutan awam.

BE ON BOARD

KUALA LUMPUR SENTRAL to TERMINAL SKYPARK	
KL SENTRAL PLATFORM 1	06:30 07:00 07:30 08:00 08:30 09:00 09:30 10:00 10:30 11:00 11:30 12:00 12:30 13:00 13:30 14:00 14:30 15:00 15:30 16:00 16:30 17:00 17:30 18:00 18:30 19:00 19:30 20:00 20:30 21:00 21:30 22:00 22:30 23:00 23:30
SUBANG JAYA PLATFORM 1	06:45 07:15 07:45 08:15 08:45 09:15 09:45 10:15 10:45 11:15 11:45 12:15 12:45 13:15 13:45 14:15 14:45 15:15 15:45 16:15 16:45 17:15 17:45 18:15 18:45 19:15 19:45 20:15 20:45 21:15 21:45 22:15 22:45 23:15 23:45
TERMINAL SKYPARK PLATFORM 1	07:00 07:30 08:00 08:30 09:00 09:30 10:00 10:30 11:00 11:30 12:00 12:30 13:00 13:30 14:00 14:30 15:00 15:30 16:00 16:30 17:00 17:30 18:00 18:30 19:00 19:30 20:00 20:30 21:00 21:30 22:00 22:30 23:00 23:30
TERMINAL SKYPARK to KUALA LUMPUR SENTRAL	
TERMINAL SKYPARK PLATFORM 2	06:30 07:00 07:30 08:00 08:30 09:00 09:30 10:00 10:30 11:00 11:30 12:00 12:30 13:00 13:30 14:00 14:30 15:00 15:30 16:00 16:30 17:00 17:30 18:00 18:30 19:00 19:30 20:00 20:30 21:00 21:30 22:00 22:30 23:00 23:30
SUBANG JAYA PLATFORM 2	06:45 07:15 07:45 08:15 08:45 09:15 09:45 10:15 10:45 11:15 11:45 12:15 12:45 13:15 13:45 14:15 14:45 15:15 15:45 16:15 16:45 17:15 17:45 18:15 18:45 19:15 19:45 20:15 20:45 21:15 21:45 22:15 22:45 23:15 23:45
KL SENTRAL PLATFORM 2	07:00 07:30 08:00 08:30 09:00 09:30 10:00 10:30 11:00 11:30 12:00 12:30 13:00 13:30 14:00 14:30 15:00 15:30 16:00 16:30 17:00 17:30 18:00 18:30 19:00 19:30 20:00 20:30 21:00 21:30 22:00 22:30 23:00 23:30

For changes visit our website: www.ktmb.com.my

Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) telah mengumumkan perkhidmatan stesen baharu mereka iaitu Stesen Terminal Skypark (Skypark Link) yang telah pun mula beroperasi pada 1 Mei yang lalu. Laluan ini dilihat menjadi alternatif mod perjalanan melalui perkhidmatan rel kepada orang ramai untuk ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah, Subang Jaya.

Stesen baharu itu telah pun siap sepenuhnya untuk beroperasi selepas lima tahun pembinaan. Ia merupakan projek di bawah Kementerian Pengangkutan yang telah dimulakan pada 21 Februari 2013. Skypark Link menyediakan perjalanan ekspres dan juga henti-henti di tiga buah stesen iaitu KL Sentral, Subang Jaya dan Skypark.

Sebagai permulaan, perkhidmatan Skypark Link akan beroperasi dengan kekerapan setiap 60 hingga 180 minit sehingga 31 Mei 2018. Walau bagaimanapun mulai 1 Jun, kekerapan perkhidmatan adalah setiap 60 minit bermula seawal pukul 5.30 pagi dari KL Sentral dan tren terakhir

